

Anda sedang membaca akhbar paling berpengaruh

Kuatkan tekad hadapi pelbagai cabaran — PM

7 NOV 1991

KUALA LUMPUR 6 Nov. — Dato' Sri Dr. Mahathir Mohamad hari ini menyeru seluruh ahli UMNO menguatkan tekad untuk menghadapi pelbagai cabaran dekad 90-an ke arah mencapai matlamat Wawasan 2020.

Dalam perutusannya sempena Perhimpunan Agung UMNO, beliau menegaskan, ahli-ahli parti perlu mengukuhkan perpaduan dan berjuang lebih gigih bagi menghadapi cabaran yang bakal dihadapi termasuk daripada luar negara.

Presiden UMNO itu menarik perhatian, masalah-masalah dekad 90-an dan akan datang meliputi masalah bersama yang dihadapi oleh

Malaysia dan negara-negara membangun yang lain.

“Satu daripadanya ialah bagaimana mempertahankan dan meningkatkan pertumbuhan ekonomi negara dan negara-negara lain di rantau ini,” katanya dalam perutusan itu.

Perhimpunan Agung UMNO bermula Jumaat ini selama tiga hari manakala Persidangan Pergerakan Pemuda dan Wanita berlangsung esok.

Menurut Perdana Menteri, dengan keadaan di rantau ini yang kian stabil, seluruh perhatian tertumpu dan terarah kepada aspek pembangunan ekonomi.

LIHAT MUKA 2

KUATKAN TEKAD HADAPI CABARAN - PM

Atas hakikat tersebut, beliau berkata, Malaysia menghadapi pelbagai masalah termasuk dicemburui oleh negara-negara maju yang lebih berminat untuk mengadakan sekatan-sekatan terhadap barangan buatan negara ini dengan mendirikan blok-blok perdagangan.

“Usaha kita untuk menubuhkan Perundingan Ekonomi Asia Timur (EAEC) cuba dikhianati sedangkan ia sekadar satu forum untuk bertukar-tukar fikiran sahaja, tidak sekali-sekali merupakan blok ekonomi seperti yang dilakukan oleh Amerika dan negara-negara Kesatuan Eropah (EC),” katanya.

Selain itu, kata Dato' Sri Dr. Mahathir, isu alam sekitar dipergunakan sebagai senjata ekonomi oleh negara-negara maju menyekat pembangunan negara ini.

“Isu kebebasan manusia pun diperalatkan sebagai senjata untuk memaksa kita tunduk kepada kekuasaan mereka,” ujar beliau.

Dato' Sri Dr. Mahathir bagaimanapun menegaskan, Malaysia tidak akan berganjak dalam pendiriannya menghadapi cabaran-cabaran tersebut.

Beliau seterusnya berkata, negara dan bangsa Malay-

sia kini menghadapi tugas amat berat yang barangkali belum pernah terpikul pada masa lalu.

Beliau bagaimanapun bersyukur kerana Wawasan 2020 begitu menarik perhatian rakyat daripada setiap golongan.

Katanya, perbincangan yang rancak dan terbuka mengenai wawasan tersebut kini menunjukkan bahawa rakyat tertarik untuk menyumbangkan fikiran dan pendapat agar cita-cita itu menjadi kenyataan.

Ini selaras dengan perkembangan pesat negara dalam pelbagai bidang termasuk ekonomi, malah Malaysia menjadi model negara membangun yang dinamis dan progresif.

Mengenai UMNO, Dato' Sri Dr. Mahathir berkata, beliau bersyukur kerana UMNO kini semakin mantap.

“Parti kita tetap berdiri sebagai parti politik yang terus berperanan sebagai payung tidak sahaja kepada bangsa Melayu tetapi juga menjadi tunggak harapan setiap rakyat di negara kita,” jelas beliau.